

# Tukar pandangan pada OKU

u.m 3112107 NLS 10  
Oleh AZLINARIAH ABDULLAH  
(WARTAWAN UTUSAN)

**TIDAK** ramai yang tahu barangkali, golongan orang kurang upaya (OKU) ada hari mereka tersendiri untuk diraikan, sama seperti Hari Kekasih, Hari Bumi, Hari Pelarian dan sebagainya.

Walaupun Hari OKU ini tidak begitu popular berbanding hari-hari lain yang tertera dalam kalendar antarabangsa, ia tetap memberi signifikansi tersendiri. Di peringkat antarabangsa Hari OKU disambut pada 3 Disember, setiap tahun.

Malaysia, yang mahu seboleh-bolehnya peranan, kejayaan dan sumbangan OKU ini diiktiraf, menyambutnya tanpa gagal sejak dua tahun lepas pada 4 Disember.

Dahulu istilahnya ialah orang cacat. Bunyinya yang kurang manis dan tidak sopan seolah-olah menyisihkan golongan itu menyebabkan ia ditukar kepada OKU. Selepas nama OKU dipakai, terdapat juga yang mahukan ia terus diubah menjadi lebih 'mesra'. Antara yang kedengaran ialah biar mereka dikenali dengan nama 'orang berlainan upaya' pula.

Seperkara yang perlu diingatkan ialah

bising-bising mahu menyisih, memandang rendah pada mereka?

Apakah perlu satu undang-undang untuk memberi kesedaran terhadap apa juga yang berkaitan dengan OKU?

"Tidak perlu sampai ke situ, kesedaran wajar tercetus kerana telah disemat, dan boleh diterima pula bahawa OKU adalah sebahagian anggota masyarakat. Kerana mereka ialah sebahagian anggota masyarakat, golongan ini mempunyai hak untuk hidup seperti biasa, normal menyerupai yang lain-lainnya," kata seorang kaunselor yang juga pensyarah di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Kalau kita belum lupa, perihal kesedaran menjadi begitu penting dan dipentingkan sehingga Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (Suhakam) terpaksa menggesa supaya kerajaan menggubal satu akta memastikan OKU menikmati kesaksamaan.

Akta itu juga secara tidak langsung melindungi OKU daripada sebarang bentuk penganiayaan sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Mengikut statistik Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), semua negara di dunia secara puratanya mempunyai sekurang-kurangnya satu peratus OKU. Satu



**KERAJAAN** terus menyediakan pelbagai program untuk menjaga dan membantu orang kurang upaya (OKU) termasuk penyediaan kemudahan untuk membolehkan mereka menjalani kehidupan yang normal.

orang cacat, OKU atau orang berlainan upaya kesemuanya merupakan istilah sahaja.

Biar kita jelas di sini. Namakan apa juga istilah yang lebih manis, sopan dan menyebelahi mereka, tetapi kalau persepsi, cara kita melayan mereka tetap sama, ia tidak membawa apa-apa makna.

Kalau disorot kepada perkembangan semasa, tentunya belum boleh disimpulkan bahawa kesedaran terhadap OKU ini di kalangan 'masyarakat penyayang' Malaysia wajar ditabik.

Secara jujur juga walaupun ada sege-lintir yang mengakui sedar lagi prihatin terhadap OKU ini adalah kerana kumpulan itu memiliki keluarga OKU. Yang selebihnya, mereka mungkin sedar atau simpati tetapi selepas beberapa ketika ia hilang begitu sahaja apabila tidak diin-gatkan sebegitu.

Bukan tiada kejayaan yang dicatatkan OKU. Tidak sedikit sumbangan mereka pada negara. Kejayaan negara juga banyak dicatatkan oleh kumpulan ini. Bukan tidak ada profesional datang daripada golongan OKU.

Nah, ini buktinya mereka perlu mendapat hak sepertimana kita semua yang normal merasainya. Itu pula menjadi penanda aras bahawa tahap kesedaran dan keprihatinan terhadap OKU ini perlu juga 'normal'.

Selebihnya, mereka juga manusia, apa

peratus memang kecil tetapi kalau satu peratus daripada 25 juta rakyat Malaysia, secara matematik besar juga jumlahnya.

## Berdaftar

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pula menganggarkan bahawa 10 peratus daripada penduduk setiap negara ialah OKU.

Di Malaysia sendiri dianggarkan ter-dapat seramai 2.6 juta OKU.

Sementara itu, statistik Jabatan Ke-bajikan Masyarakat (JKM) pula mencatatkan negara ini mempunyai 197,519 OKU yang berdaftar dengan mereka sehingga akhir tahun 2006. Ini termasuklah seramai 18,258 cacat penglihatan, 29,522 cacat pendengaran, 66,250 cacat anggota, 887 (cerebral palsy) dan 76,619 meng-hadapi masalah pembelajaran. Lain-lain jenis kekurangan upaya yang dicatatkan ialah seramai 5,983.

Apa erti angka-angka itu sebenarnya? Maknanya, lebih banyak OKU, lebih meluas sepatutnya rasa kesedaran kita terhadap mereka. Lebih meluas keseda-ran membawa pula makna wajar lebih banyak kemudahan untuk menyenangkan golongan ini.

Lupakan rasa bangga kita ke atas Kuala Lumpur yang mempunyai menara berkembar yang sebelum ini tertinggi di

## **Kalau kita belum lupa, perihal kesedaran menjadi begitu penting dan dipentingkan sehingga Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (Suhakam) terpaksa menggesa supaya kerajaan menggubal satu akta memastikan OKU menikmati kesaksamaan**

dunia. Bangga itu secara jujurnya hanya secebis daripada perasaan positif kalau kita jarang bertanya apakah Kuala Lum-pur sudah cukup mengambil peduli perih-al manusia dan kemanusiaan.

Kita tidak mahu Hari OKU yang di-sambut nanti persoalan seperti akses kepada bangunan awam menjadi hala-ngan utama bagi penyertaan mereka dalam masyarakat.

Kita juga tidak mahu lagi bercakap-ca-kap tentang kurang senang kita terha-dap sistem pengangkutan awam sedia ada tidak mesra OKU. Ini menghalang mereka daripada menjalani aktiviti ha-rarian dan kehidupan dalam masyarakat.

Kita mahu semua itu diperbaiki. Sele-bihnya kita ingin persepsi terhadap me-reka berubah. Itulah signifikan Hari-OKU yang disambut di peringkat anta-rabangsa mahupun nasional.

Apalah yang ada pada Hari OKU jika

persepsi masyarakat masih di takuk la-ma - mengakui simpati dan kasihan pada OKU tetapi tidak berbuat apa-apa untuk menyokong mereka.

Hari OKU yang akan disambut nanti, pada kali ini barangkali cukup istimewa. Kita menantikan akta khas bagi OKU ini menjadi realiti.

Itulah komitmen besar Menteri Pem-bangunan Wanita, Keluarga dan Masya-rakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil dan menjadi hasrat menggunung kita semua juga.

"Akta yang sedia ada ialah berasaskan kebajikan. Sekarang kita bercakap ten-tang hak mereka. Saya menjangka tahun depan saya dapat bentangkan ke Kabi-net," itu kata Shahrizat pada sambutan Hari OKU yang lalu.

Kita mengharap, menunggu sebe-narnya, ia berubah pada sambutan kali ini.